

PETIKAN AKHBAR

Kerajaan Lulus Permohonan PSU Pertama Berjumlah RM12.76 Bilion Setakat 29 Jan – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 10 FEBRUARI 2021



KUALA LUMPUR, 10 Feb – Kerajaan meluluskan permohonan berjumlah RM12.76 bilion bagi Program Subsidi Upah Fasa Pertama (PSU 1.0) setakat 29 Jan, 2021, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz

Beliau juga berkata sejumlah 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat PSU di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

“Di bawah KITA PRIHATIN, bagi Program Subsidi Upah Fasa Dua (PSU 2.0), sejumlah RM741.16 juta telah disalurkan kepada 64,345 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 518,793 pekerja.

“Semasa Belanjawan 2021, PSU bersasar juga diperkenalkan bagi membantu sektor pelancongan dan peruncitan, manakala kesemua sektor yang terkesan oleh pelaksanaan PKP tahun ini adalah layak untuk menerima sokongan PSU 3.0 di bawah Pakej Bantuan PERMAI,” katanya semasa membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-40, hari ini.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, Majlis Pekerjaan Negara yang bermesyuarat bagi kali kedua pada 9 Febuar menganggarkan bahawa lebih daripada 160,000 pekerjaan baharu bakal diwujudkan tahun ini melalui pelaburan

English     

pada hujung Disember 2020 dapat kita kurangkan pada bulan-bulan yang mendatang, terutamanya dengan adanya usaha berterusan kerajaan ke arah ini seperti portal MyFutureJobs (www.myfuturejobs.gov.my) dan platform e-LATiH (latih.hrdf.com.my) Kementerian Sumber Manusia,” katanya.

Tengku Zafrul juga mengingatkan semua agar terus mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian kerana pemulihan ekonomi sebahagiannya disandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantaian penularan pandemik COVID-19.

“Dalam pada itu, kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan,” katanya.

[Bernama](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK I](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[TEAM MOF](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)